

MAHKAMAH PERUSAHAAN
NOTA AMALAN BIL. 2 TAHUN 2020
PEMAKAIAN BORANG F, G, DAN H
DALAM TEKS BAHASA MALAYSIA DAN PENYESUAIAN BORANG
MENGIKUT KEPERLUAN SEMASA

Tujuan Nota Amalan ini adalah untuk mengawal selia penggunaan Borang F, G dan H dalam teks Bahasa Malaysia dan penyesuaiananya mengikut keperluan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan 1967.

Dalam menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 28 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, saya dengan ini mengeluarkan arahan-arahan berikut :

1. Permulaan kuatkuasa

Nota Amalan ini mula berkuatkuasa pada 3 Ogos 2020.

2. Tafsiran

‘Borang F’ bermaksud Notis Sebutan Kes di bawah Kaedah 8(1), Kaedah-kaedah Mahkamah Perusahaan 1967 yang diterjemah ke dalam Bahasa Malaysia.

‘Borang F(t)’ bermaksud Notis Sebutan Kes di bawah Kaedah 8(1), Kaedah-kaedah Mahkamah Perusahaan 1967 yang disesuaikan mengikut Kaedah 25, Kaedah-kaedah Mahkamah Perusahaan

1967 bagi tujuan menjalankan sebutan secara elektronik yang diterjemah ke dalam Bahasa Malaysia.

‘Borang G’ bermaksud Notis Perbicaraan di bawah Kaedah 8(3), Kaedah-kaedah Mahkamah Perusahaan 1967 yang diterjemah ke dalam Bahasa Malaysia.

‘Borang H’ bermaksud Notis Pernyataan Kes di bawah Kaedah 9(1), Kaedah-kaedah Mahkamah Perusahaan 1967 yang diterjemah ke dalam Bahasa Malaysia.

3. Pemakaian

- a) Borang F, G dan H dalam teks Bahasa Malaysia sebagaimana lampiran kepada Nota Amalan ini hendaklah digunakan untuk tujuan penyampaian kepada pihak yang berkenaan. Borang asal dalam teks Bahasa Inggeris adalah disimpan sebagai rekod dalam fail kes Mahkamah.
- b) Borang F(t) dalam teks Bahasa Malaysia hendaklah digunakan untuk tujuan penyampaian kepada pihak yang berkenaan bersama-sama Notis Penetapan Sebutan Kes secara e-Sebutan (sebagaimana Nota Amalan Bil. 1 Tahun 2020)
- c) Borang F, F(t) G dan H adalah diterjemahkan ke Bahasa Malaysia untuk kemudahan rujukan oleh pihak yang berkenaan.

d) Borang F, F(t), G dan H tidak menggantikan borang asal dalam Bahasa Inggeris yang merupakan teks sahih bagi maksud apa-apa pentafsiran.

Bertarikh : 29 Julai 2020



EDDIE YEO SOON CHYE

YANG DIPERTUA
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

Borang F
[Kaedah 8(1)]

DALAM MAHKAMAH PERUSAHAAN

NOTIS SEBUTAN KES

Dalam Perkara Mahkamah Perusahaan Nombor Kes:

DI ANTARA

.....
DAN
.....

Sila ambil perhatian bahawa kes ini akan disebut di hadapan Presiden di premis Mahkamah beralamat Tingkat __, Wisma PERKESO, No.155, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur pada jam pagi.

Sila ambil perhatian lanjut bahawa dengan ketidakhadiran anda, Presiden boleh menetapkan tarikh untuk perbicaraan kes ini dan tiada permohonan untuk sebarang perubahan dalam tarikh tersebut akan dilayan kecuali dalam keadaan luar biasa tertentu. Jika anda berhasrat untuk diwakili oleh pengamal undang-undang, anda perlu membuat permohonan kepada Presiden untuk kebenaran dalam Borang A.

Jika permohonan dibenarkan atau anda ingin diwakili oleh mana-mana wakil lain, anda dikehendaki untuk menghantar kepada Pendaftar di premis yang dinyatakan di atas, Waran Autoriti dalam Borang B.

BERTARIKH hb 20_____

()

Pendaftar
(meterai)

Kepada :
.....
.....

Nota : Borang F dalam teks Bahasa Malaysia ini adalah untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak menggantikan teks sahli Bahasa Inggeris.

Borang F(t)
[Kaedah 8(1)]

DALAM MAHKAMAH PERUSAHAAN

NOTIS SEBUTAN KES

Dalam Perkara Mahkamah Perusahaan Nombor Kes:

DI ANTARA

.....
DAN
.....

Sila ambil perhatian bahawa kes ini akan disebut di hadapan Presiden melalui kaedah e-Sebutan* pada jam pagi.

Sila ambil perhatian lanjut bahawa dengan ketidakhadiran anda, Presiden boleh menetapkan tarikh untuk perbicaraan kes ini dan tiada permohonan untuk sebarang perubahan dalam tarikh tersebut akan dilayan kecuali dalam keadaan luar biasa tertentu. Jika anda berhasrat untuk diwakili oleh pengamal undang-undang, anda perlu membuat permohonan kepada Presiden untuk kebenaran dalam Borang A.

Jika permohonan dibenarkan atau anda ingin diwakili oleh mana-mana wakil lain, anda dikehendaki untuk menghantar kepada Pendaftar di premis yang dinyatakan di atas, Waran Autoriti dalam Borang B.

BERTARIKH hb 20_

()
Pendaftar
(meterai)

Kepada :
.....
.....

*Nota :

1. Borang F(t) dalam teks Bahasa Malaysia ini adalah untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak menggantikan Borang F dalam teks sahih Bahasa Inggeris.
2. Notis ini hendaklah dibaca bersama Notis Penetapan Sebutan Kes secara e-Sebutan sebagaimana yang dilampirkan.
3. Mengikut Kaedah 25 Kaedah-kaedah Mahkamah Perusahaan 1967, borang ini disesuaikan bagi tujuan menjalankan sebutan secara elektronik memandangkan tiada keperluan untuk pihak-pihak hadir ke Mahkamah dan dibaca bersama Nota Amalan Bil. 1 Tahun 2020.

Borang G
[Kaedah 8(3)]

DALAM MAHKAMAH PERUSAHAAN

NOTIS PERBICARAAN

Dalam Perkara Mahkamah Perusahaan Nombor Kes:

DI ANTARA

.....

DAN

.....

Sila ambil perhatian bahawa kes ini akan dibicarakan di premis Mahkamah beralamat di Tingkat __, Wisma PERKESO, No.155, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur pada jam pagi dan selepas di premis yang sama dan masa sebagaimana hari di bawah:

Sila ambil perhatian lanjut bahawa sekiranya anda gagal hadir, Mahkamah boleh menurut seksyen 29(d) Akta, mendengar dan memutuskan kes tanpa mengambil kira ketidakhadiran anda.

Jika anda berhasrat untuk diwakili oleh pengamal undang-undang, anda perlu membuat permohonan kepada Presiden, sekiranya anda belum berbuat demikian, untuk kebenaran dalam Borang A. Jika permohonan dibeharkan atau anda ingin diwakili oleh mana-mana wakil lain, anda dikehendaki untuk menghantar kepada Pendaftar di premis yang dinyatakan di atas, sekiranya anda belum berbuat demikian, Waran Autoriti dalam Borang B.

BERTARIKH hb 20__

()

Pendaftar
(meterai)

Kepada :

.....

.....

Nota : Borang G dalam teks Bahasa Malaysia ini adalah untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak menggantikan teks sahli Bahasa Inggeris.

BORANG H
[Kaedah 9(1)]
DALAM MAHKAMAH PERUSAHAAN

PERNYATAAN KES

Perkara Dalam Mahkamah Perusahaan Nombor Kes:

DI ANTARA

.....
DAN
.....

Sila ambil perhatian bahawa anda dikehendaki, dalam masa tujuh hari dari tarikh penyampaian notis ini atau dalam apa-apa masa lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Presiden, untuk mengemukakan kepada Mahkamah suatu Penyataan Kes berhubung dengan kes tersebut dengan menyerahkan kepada Pendaftar di premis Tingkat 14, Wisma PERKESO, No.155, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur dalam waktu pejabat atau dengan menghantarnya ke premis tersebut melalui Pos Berdaftar sebanyak enam salinan Penyataan Kes tersebut.

Sila ambil perhatian lanjut bahawa Pernyataan Kes tersebut hendaklah mematuhi peruntukan di perenggan (3) Kaedah 9, Kaedah-kaedah Mahkamah Perusahaan 1967, kegagalan anda mematuhi peruntukan tersebut boleh menyebabkan Pernyataan Kes anda ditolak.

Dan sila ambil perhatian lanjut bahawa kegagalan anda untuk memfailkan Pernyataan Kes dalam tempoh yang ditetapkan, Mahkamah boleh, selaras dengan Seksyen 29 (d) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, mendengar dan memutuskan kes tersebut tanpa mengambil kira kegagalan tersebut.

BERTARIKH hb 20_____

()

Pendaftar
(meterai)

Kepada :
.....
.....

Kaedah 9 (3)

Penyataan Kes tersebut hendaklah dihadkan kepada isu-isu yang berkaitan dengan kes yang dirujuk kepada Mahkamah oleh Menteri atau dalam perkara yang perlu diputuskan oleh Mahkamah di bawah peruntukan Akta dan hendaklah mengandungi-

- (a) satu kenyataan yang mengandungi fakta dan hujahan yang berkaitan;
- (b) butir-butir keputusan yang dikehendaki;
- (c) pengesahan nama pihak pertama dan alamatnya untuk penyampaian; dan
- (d) sebagai lampiran, ikatan Dokumen yang mengandungi dokumen berkaitan dengan kes tersebut.

Nota : Borang H dalam teks Bahasa Malaysia ini adalah untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak menggantikan teks sahli Bahasa Inggeris.

